

PEPERANGAN DAN PENGARUHNYA  
TERHADAP INDUSTRI  
PAKAIAN

OLEH  
HARIZA ZAMBRI  
94427156

IJAZAH SARJANA MUDA  
SENIREKA FESYEN  
FAKULTI SENILUKIS  
DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
1997

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

Alhamdulillah, dengan izin-Nya segala kesulitan dan kesukaran dalam menyempurnakan tesis ini dapat saya laksanakan. Saya amat berterima kasih dan bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin-Nya segala tugas dalam menyiapkan tesis ini berjalan lancar.

Kepada ibu tercinta, Puan \_\_\_\_\_ yang banyak berkorban, membantu dan mendoakan kejayaan saya sehingga kini. Terima kasih juga kepada En. Najib Mohd. Nor selaku penasihat tesis yang banyak menyumbang idea dan maklumat dalam penghasilan tesis ini.

Sekalung penghargaan kepada rakan-rakan sekelas O8 terutamanya Linda, Hanim dan lain-lain yang banyak memberi sokongan. Tidak lupa kepada junior-junior tersayang yang banyak memberi bantuan. Terima kasih juga kepada senior Ellia Norzie atas tunjuk ajar dan segalanya. Buat teman-teman yang tidak disebutkan nama di sini, segala kenangan pahit manis tetap terpahat di sanubari. Jasa kalian tidak mungkin saya lupakan. Kepada member-member seperjuangan yang sama-sama mengharungi pahit getir dan seribu satu tekanan jangan berputus asa dan tabah selalu.

## SINOPSIS

Secara luaran dan perspektif keseluruhan penghasilan tesis ini adalah berkisar kepada pengertian perang, dan kesannya dalam industri pakaian yang merangkumi pelbagai aspek. Ini termasuklah pengkajian dari segi falsafah, konsep, teorem (prinsip), dan sejauh mana keprihatinan masyarakat dan pengusaha pakaian terhadap pengaruhnya.

Disamping itu penulisan ini juga memuatkan analisis terhadap peperangan yang secara langsung mengupas apa itu peperangan yang sebenarnya dan faktor penolakkannya. Selain itu, isu yang dikaitkan dengan peperangan turut diketengahkan dalam tesis ini.

Budaya berpakaian adalah salah satu dari perkara yang menjadi topik utama dalam penulisan ini. Ia bersangkutan dengan rekabentuk pakaian yang sering terpengaruh oleh isu semasa seperti peperangan. Sejauh mana peperangan memainkan peranan dalam perubahan fesyen pakaian di sesuatu tempat pada suatu masa tertentu turut diketengahkan. Tumpuan diberikan pada Perang Dunia II hingga kini dan kesannya dalam perubahan fesyen.

Dalam perkembangan arus fesyen, pelbagai perubahan terlihat. Namun apa yang ingin diutarakan adalah bagaimana peperangan dapat dimanfaatkan sebagai alternatif lain dalam cara berpakaian.

# ISI KANDUNGAN

# HALAMAN

HALAMAN PEMERIKSA	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iii
HIPOTESIS	iv
BAB SATU	
1.0    PENGENALAN	1
1.1    APAKAH PEPERANGAN?	4
1.2    JENIS-JENIS PEPERANGAN	8
BAB DUA	
2.0    PERANAN PEPERANGAN	11
2.0.1  PERANAN PERANG TERHADAP POLITIK	12
2.0.2  PERANAN PERANG TERHADAP EKONOMI	14
2.0.3  PERANAN PERANG TERHADAP SOSIAL	16
2.1    KLASIFIKASI DAN POLISI	19
2.2    KONSEP PEPERANGAN	22
2.3    ISU BERKAITAN KONSEP PEPERANGAN	24
BAB TIGA	
3.0    SEJARAH PEPERANGAN	26
3.1    MANGSA PEPERANGAN	30
3.2    PEPERANGAN DAN ALAM SEKITAR	31

## 1 . 0      P E N G E N A L A N

Peperangan merupakan satu perkataan yang tidak asing lagi kepada setiap manusia. Saban hari berita mengenai peperangan yang berlaku di merata tempat sering mendapat liputan meluas. Mahu ataupun tidak manusia kini terpaksa akur dan menerima peperangan sebagai sebahagian dari cara hidup. Walau bagaimanapun, didalam kekalutan manusia mencari jalan penyelesaian perang terdapat sesetengah pihak sengaja mengaut keuntungan diatas apa yang berlaku.

Peperangan sering dilihat sebagai suatu yang bersifat negatif. Namun sebenarnya perang itu sendiri mempunyai pengertian yang meluas dan tidak hanya terbatas kepada penggunaan senjata sahaja malahan apa jua yang dipertikaikan demi mendapatkan sesuatu hak atau kepunyaan atau cuba menegakkan sesuatu prinsip dan seumpamanya. Peperangan merupakan suatu perkara yang mempunyai makna yang besar dan universal.

Peperangan meninggalkan pelbagai kesan mendalam terhadap manusia, harta benda mahupun alam sekitar. Kesan yang terhasil dari peperangan mempunyai positif negatifnya. Ada manusia yang merintih kesakitan dan tidak kurang pula yang bersenang-senang kesan dari peperangan yang terjadi.